



15 Mei 2018
15 May 2018
P.U. (A) 116

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (PENEPIAN FI KEPADA PELATIH DI PUSAT BERTAULIAH) 2018

NATIONAL SKILLS DEVELOPMENT (WAIVER OF FEE TO TRAINEE AT ACCREDITED CENTRE) REGULATIONS 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN 2006

**PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN
(PENEPIAN FI KEPADA PELATIH DI PUSAT BERTAULIAH) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 72(2)(d) Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [*Akta 652*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Penepian Fi kepada Pelatih di Pusat Bertauliah) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 November 2017.

Penepian fi

2. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), fi yang ditetapkan dalam butiran 1(a)(i) Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (Fi dan Caj) 2016 [P.U. (A) 86/2016] diketepikan berkenaan dengan seseorang pelatih yang memohon bagi pengiktirafan kemahiran yang membawa kepada anugerah Sijil Kemahiran Malaysia melalui pusat bertauliah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Penepian fi di bawah subperaturan (1) terpakai bagi permohonan pengiktirafan kemahiran yang dibuat dalam tempoh tiga tahun dari 1 November 2017 hingga 31 Oktober 2020.